

D490

U B888 DEB
MAHATHIR - BAHASA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 3 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMINTA FIRMA-FIRMA BESAR BEKERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN BAHASA DALAM USAHA MEMPERBANYAKKAN BAHAN DAN BUKU ILMU PENGETAHUAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PENAJAAN KEWANGAN DARI FIRMA-FIRMA AKAN MEMBANTU PARA PENULIS MENGHASILKAN KARYA MEREKA DAN MENDAULATKAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN, PERPADUAN DAN ILMIAH DI RANTAU INI.

+USAHA-USAHA SEBEGINI JUGA AKAN MEMBOLEHKAN SEKTOR SWASTA MEMAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DALAM BIDANG KEBUDAYAAN TERMASUKLAH BIDANG BAHASA,+ KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM ESSO-GAPENA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA SUMBANGAN SWASTA KEPADA PERKEMBANGAN DAN MASYARAKAT SEKELILING DAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA KEDUA-DUA PIHAK DALAM MEMPERTINGKATKAN PERKEMBANGAN ILMIAH.

KATANYA KERAJAAN BERBANGGA DENGAN ADANYA KESEDARAN DI KALANGAN RAKYAT NEGARA INI MENGENAI PENTINGNYA MENDAULATKAN BAHASA KEBANGSAAN WALAUPUN TERDAPAT PERTIMBANGAN YANG WAJAR BAGI BAHASA-BAHASA LAIN.

-- LAGI.
2010MST 03 04 87

D491

U B889 DEB
MAHATHIR - BAHASA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENAMBAH PARA SASTERAWAN HARUS JUGA BERUSAHA MENYEMAI NILAI MURNI, DINAMIS DAN POSITIF KERANA NILAI-NILAI INI PADA KESELURUHANNYA AKAN MEMBENTUK WATAK YANG DICITA-CITAKAN.

MENURUTNYA PARA SASTERAWAN BOLEH MEMBANTU MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG MAMPU MENGHADAPI PERSAINGAN EKONOMI, SOSIAL DAN POLITIK TERUTAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MEMERLUKAN RAKYAT YANG MEMPUNYAI KESEDARAN NASIONAL DAN SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI, WARGANEGARA YANG CINTAKAN NEGARA DAN TIDAK MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MENJEJASKAN PERPADUAN.

+KITA JUGA MEMERLUKAN WARGANEGARA BERDISIPLIN, BERDEDIKASI DAN BERAMANAH TINGGI DAN LEBIH-LEBIH LAGI WARGANEGARA YANG SENTIASA BANGGA BAHAWA DIA ADALAH RAKYAT MALAYSIA.

+SAYA YAKIN PARA SASTERAWAN, PENULIS, POLITIK, PEMIMPIN MASYARAKAT DAN SEMUA GOLONGAN AKAN BERUSAHA MEMBINA SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG DINAMIS DAN DIHORMATI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIANNYA MELANCARKAN BUKU +PERTEMUAN DUNIA MELAYU '82+ TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. -- BERNAMA.
2012MST 03 04 87